

Headline	Lapangan terbang baharu lonjakkan status Mukah		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	16 Apr 2014	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	CHRISTINA ULAU	AdValue	RM 398
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,194



Lapangan terbang baharu lonjakkan status Mukah

CHRISTINA ULAU

KUCHING, Selasa — Pembinaan projek lapangan terbang baharu Mukah akan mewakili prospek masa depan yang lebih cerah untuk bandar Mukah selain pencetus pembangunan memandangkan ia terletak di tengah kawasan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE).

Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah Sarawak (RECODA), Datuk Amar Wilson Baya Dandot berkata demikian kerana Mukah adalah pusat kepada RECODA dan pusat pentadbiran untuk pembangunan SCORE.

"Projek lapangan terbang baharu ini adalah projek pencetus bukan sahaja kepada pembangunan ekonomi, infrastruktur malah pembangunan pendidikan," ujarnya dalam sidang media selepas Majlis Menandatangani Kontrak Projek Lapangan Terbang Baharu Mukah, Bahagian Mukah: Package I-Initial Earthwork di sini, hari ini.

Kata Wilson, tapak projek yang dicadangkan adalah antara bandar Mukah, Politeknik Mukah dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Mukah bakal menarik kedatangan golongan pelajar luar.

"Beberapa insitituti pengaji-

an tinggi akan dibina di Mukah pada masa depan, antaranya UiTM Mukah. Oleh itu, lapangan terbang baharu ini akan menjadi antara sistem perhubungan utama bukan sahaja kepada kawasan sekitar malah pembangunan signifikan untuk SCORE," jelasnya. Tambahnya, setiap fasa pembinaan projek berkenaan dilakukan melalui tender terbuka.

Hasil daripada Kajian Kemungkinan Lapangan Terbang Mukah yang dilaksanakan pada tahun 2013 oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri menunjukkan muatan perjalanan penumpang ke Mukah di bawah SCORE memancu aktiviti dianggarkan sebanyak 65,700 setahun bermula pada 2017.

Selain daripada populasi tempatan, muatan perjalanan penumpang akan terdiri daripada pelabur, komuniti perniagaan, profesional, pelancong dan pelajar seramai 10,000 orang dari Politeknik Mukah, UiTM, Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), PPKS dan insitituti latihan kemahiran lain.

Landasan kapal terbang untuk fasa pertama adalah 1,500 meter dengan kelebaran 30 meter manakala, kemudahan yang dirancang terdiri daripada bangunan terminal dengan ruang lantai kasar (GFA) kira-kira 3,500 meter persegi.